

Headline	TNB teruskan sokongan terhadap MHL		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Apr 2021	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	240 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,684		



TNB teruskan sokongan terhadap MHL

Oleh **SITI NURHEZZATY**
MOHAMAD HAMDAN

Nawaz Asan Gany serta Pengurus
Kanan (Jenama) TNB, Wan Hairul
Razli Wan Ahmad.

TENAGA Nasional Berhad (TNB) meneruskan komitmen terhadap pembangunan sukan hoki negara apabila menyerahkan tajaan sebanyak RM2 juta kepada Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).

Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat TNB, Mohamad Ariff Zainol telah menyerahkan replika cek berkenaan kepada Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal dalam satu majlis di Ibu Pejabat TNB Khamis lalu.

Menurutnya, tajaan itu bagi memastikan kelangsungan kejo-

hanan Liga Hoki Malaysia (MHL) sewaktu pandemik Covid-19 kerana prosedur operasi standar (SOP) yang ditetapkan meningkatkan kos penganjuran.

"TNB tidak akan melepaskan peluang dalam menyokong usaha-usaha pasukan Malaysia untuk melahirkan pemain profesional hingga ke tahap dunia walaupun kita berada pada waktu yang sukar akibat Covid-19.

"Kami memandang jauh potensi sukan hoki ini terutama liga hoki yang dilihat semakin matang dalam memikat pemain import," katanya.

Sementara itu, Subahan juga menyuarakan rasa syukur terha-

dap komitmen TNB yang merupakan penaja utama liga hoki kebangsaan sejak tahun 2006 selain berharap liga hoki negara terus maju.

"Kami dari pihak sukan hoki negara berasa amat bertuah menerima tajaan ini berikutan banyak sukan lain di negara ini turut terjejas dengan pandemik yang berlaku," ujarinya.

Turut hadir pada majlis itu, Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek bersama Ketua Perhubungan Awam dan Dalaman TNB, Ir. Shah



MOHAMAD ARIF (kiri) menyerahkan penajaan kepada Subahan dalam satu majlis yang berlangsung Khamis lalu.